

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Internet merupakan satu fenomena yang sangat unik. Ia sering dikatakan sebagai ciptaan terbaik abad ke 20. Mempelajari Internet bukanlah sesuatu yang mudah kerana Internet merangkumi aspek yang sangat luas. Usaha untuk mempelajari Internet sering ditumpukan kepada penguasaan aplikasi Internet tanpa memberi penekanan kepada penghayatan falsafah, semangat, budaya dan etika Internet. Sebenarnya, penghayatan falsafah, semangat dan budaya Internet ini amat penting kerana ia boleh membantu membentuk sebuah masyarakat yang berpengetahuan tinggi. Penghayatan etika Internet pula boleh menghasilkan penggunaan Internet yang lancar dan teratur. Internet juga merupakan satu lebuh raya maklumat multimedia yang mempunyai keupayaan yang menakjubkan. Penggunaan Internet telah menjadi satu tarikan luar biasa yang mampu memberikan pelbagai manfaat kepada orang ramai, khususnya kepada para pelajar.

Dewasa ini, maklumat sudah diperakui sebagai komoditi yang penting. Adalah dimaklumkan bahawa maklumat, ilmu atau fakta yang bermanfaat sememangnya mendapat kepentingan di kalangan masyarakat dari dahulu hingga sekarang (Zackeriya, 1998a).

Dalam aspek teknologi maklumat (IT), teknologi di sini dilihat sebagai satu alat untuk mengumpul, menyimpan, memproses, menyebar dan menggunakan maklumat. Aspek aplikasi IT bersifat dinamik dan merentas budaya. Salah satu perkembangan IT yang paling pesat berkembang ialah Internet yang merangkumi hampir semua teknologi

dalam IT seperti komputer, telekomunikasi lebar jalur, satelit, multimedia, audio dan video digital, grafik, rangkaian, pensuisan sistem telefon dan storan menyimpan maklumat (Web Sutera, 1998a).

Era ledakan maklumat yang membawa bersamanya Internet serta gandingannya dengan penggunaan unsur pelbagai media ternyata merubah sama sekali kaedah penyebaran maklumat yang dilakukan. Selain dari membolehkan maklumat disiarkan dan tersebar jauh merentasi sempadan kenegaraan serta perbezaan masa, jaringannya yang luas turut membolehkan hampir semua penduduk sejagat menjadi penerima maklumatnya yang berpotensi (Zackeriya, 1998a).

Era maklumat ke arah alaf baru memberi penekanan kepada IT, khususnya Internet dan multimedia. Kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan menggunakan multimedia sepenuhnya dalam membangunkan produk dan perkhidmatan IT. Pengguna Internet dijangka akan terus berkembang dengan cepatnya sebagai media komunikasi multimedia utama dunia yang akan membawa kita ke alaf baru. Cabaran utama kita semua ialah untuk menyediakan masyarakat Malaysia agar sentiasa bersedia menggunakan teknologi Internet sepenuhnya di samping mengenali batasannya (Web Sutera, 1998b).

Dunia kini telah memasuki zaman maklumat di mana ilmu pengetahuan dan maklumat bukan sahaja menjadi asas kepada kejayaan tetapi juga kuasa dan kebebasan. Aset dan potensi tidak lagi dinilai dari segi sumber fizikal yang dimiliki tetapi kepada pengetahuan dan maklumat yang dikuasai. Kini, tidak ada negara yang kaya dan maju yang tidak menguasai maklumat dan ilmu pengetahuan dengan baik dan sebaliknya.

Bertitik tolak dari alasan inilah, pencarian maklumat merupakan satu istilah yang tidak asing lagi di kalangan tenaga akademik, penyelidik dan juga para pelajar. Walaupun

konsep ini masih kabur pada sebilangan besar siswa dan siswi, namun diharapkan kemajuan teknologi dan kecanggihan sumber maklumat di dalam Internet membawa pelbagai ilmu dan merupakan medium yang berguna bagi pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran alaf baru ini.

1.1.1 Sejarah Perkembangan Internet Di Dunia

Pada awal tahun 1960-an perang dingin antara Amerika dan Soviet Union telah membuatkan Amerika bimbang tentang serangan nuklear Soviet Union. Dengan itu, Amerika telah mewujudkan sebuah pusat strategik iaitu RAND Corporation sebagai pusat pemikiran untuk menghasilkan sebuah perhubungan selepas perang nuklear.

Pada tahun 1964, seorang ahli RAND Corporation, Paul Baran telah menghasilkan sebuah idea iaitu rangkaian tidak berpusat dan direka untuk menghadapi keadaan kehancuran serta kemusnahan. Rangkaian ini diwakili oleh nod-nod yang mempunyai kesamaan dari segi status iaitu membentuk, menghantar dan menerima mesej.

Pada awal tahun 1969, teknologi Internet telah dikesan oleh Advanced Research Projects Agency di bawah pentadbiran Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat yang telah membuat penyelidikan tentang rangkaian tersebut. Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat telah mereka bentuk rangkaian yang membenarkan komputer daripada seluruh dunia dihubungkan.

Mulai tahun 1960 hingga 1970, banyak teknologi komputer rangkaian telah direka. Ia berlandaskan kepada perkakasan komputer. Rangkaian ini lebih dikenali sebagai LAN (Local Area Networks) atau rangkaian kawasan setempat. Melalui LAN komputer akan disambungkan kepada komputer yang lain melalui rangkaian yang tidak

terlalu jauh. Rangkaian komputer ini juga dikenali sebagai Internet. Kebiasaannya, komputer dihubungkan di dalam satu-satu bangunan sahaja. Manakala, rangkaian komputer yang lebih besar dikenali sebagai Wide Area Networks (WAN) atau rangkaian kawasan yang lebih besar. WAN menghubungkan komputer pada kadar yang lebih besar dan juga lebih jauh menggunakan kabel transmisi yang serupa dengan sistem talian telefon. Kewujudan LAN dan WAN ini telah membawa teknologi Internet pada masa kini.

Menjelang tahun 1983, terdapat peningkatan dalam pengwujudan protokol untuk rangkaian dan terbentuklah TCP/IP untuk kegunaan Internet kini. TCP/IP terus digunakan sebagai piawai untuk rangkaian selain daripada ARPANET.

Pada tahun 1986, 'The National Science Foundation' (NSF) telah menghubungkan komputer yang berkelajuan tinggi untuk menghasilkan saintis dengan kuasa komputer yang besar dan akhirnya bergabung dengan Jabatan Pertahanan untuk menghasilkan infrastruktur asas yang dikenali sebagai Internet (Buckle, 1994).

Internet juga merupakan suatu rangkaian awam global dan berdasarkan kepada Protokol Internet (IP), TCP dan beberapa piawai yang tertentu. Teknologi ini direka bagi menetapkan piawai untuk rangkaian yang bersambungan supaya sistem tersebut boleh berkomunikasi dengan sistem yang lain. Ia beroperasi seperti rangkaian gabungan daripada beberapa rangkaian dan menawarkan capaian secara universal (Jalaluddin, 1998a).

Pada tahun 1986 juga, National Science Foundation Network (NSFNET) telah ditubuhkan oleh kerajaan Amerika Syarikat sebagai Jaringan komputer untuk tujuan bukan komersial (Levine, Baroudi dan Young, 1997). Jumlah Jaringan sehingga Jun 1997 adalah sebanyak 160,000 manakala jumlah laman web adalah sebanyak 40,000,000

sehingga September 1998 (Zakon, 1999). Namun kini, pada 27 April 2004, jumlah laman web yang boleh dicari dengan menggunakan Google ialah sebanyak 4,285,199,774.

1.1.2 Internet di Malaysia

Penggunaan Internet di kalangan rakyat Malaysia telah bermula pada tahun 1984. Dr. Mohamed Awang Lah merupakan orang yang pertama yang membuat sambungan pada Internet. Ianya diikuti dengan pengenalan Rangkaian Komputer Malaysia yang menyediakan aplikasi mel-elektronik dan USENET dan pada 24 Jun 1990, JARING (Joint Advance Research Integrated Networking Project) di bawah kelolaan MIMOS (Wong, 1998).

Pengguna Internet di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu pengguna rumah, pelajar dan organisasi. Sebanyak 60% pengguna JARING terdiri daripada pengguna rumah, 30% terdiri daripada pelajar, dan 10% adalah daripada organisasi (Wong, 1998). Peratus pengguna Internet yang paling tinggi adalah pengguna yang berpendidikan tinggi iaitu sebanyak 67%. Ianya diikuti pula oleh pengguna yang berpendidikan diploma iaitu sebanyak 21%, sekolah menengah 11% dan sekolah rendah sebanyak 1% (Seen, 1997).

Di Malaysia, Internet boleh diakses bertujuan untuk membangunkan rangkaian komunikasi negara secara bersepada dan lebih menyeluruh dan juga dihubungkan kepada rangkaian Internet Antarabangsa. Buat masa ini, perkhidmatan Internet di negara Malaysia dikendalikan oleh dua syarikat yang memiliki lesen ISP iaitu MIMOS Berhad (JARING) dan Telekom Malaysia Berhad (TmNet).

Kebanyakan aplikasi yang digunakan ketika itu adalah e-mail dan USENET. Oleh kerana penggunanya terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik, maka kebanyakan

bahan adalah yang berbentuk akademik. Pada tahun 1993, bilangan pengguna Internet adalah sebanyak 1,000 orang sahaja tetapi angkanya telah mencecah kepada 1,300,000 pada tahun 1998 (Ahmad, 1999). Namun, dari masa ke semasa peningkatan penggunaan Internet adalah semakin meningkat di kalangan penduduk di Malaysia.

Kini, Malaysia merupakan negara yang tidak ketinggalan mengaplikasi dan mengambil manfaat daripada hasil teknologi yang dikenali. Hasilnya, wujud pelbagai perkhidmatan yang dijalankan oleh sektor awam dan swasta yang menyediakan perkhidmatan yang berdasarkan teknologi seperti e-pembelajaran, e-kerajaan dan lain-lain.

1.1.3 Kegunaan Internet Secara Umum

Matlamat kebanyakan orang yang menggunakan Internet pada umumnya adalah sama iaitu untuk mendapatkan maklumat. Kini, pengkhususannya tidak hanya tertumpu kepada keperluan pencarian maklumat semata-mata tetapi untuk kegunaan yang pelbagai seperti pendidikan, perniagaan, hiburan, perhubungan, pengiklanan dan interaktif (Harun, 1998a).

Penggunaan Internet termasuk perdagangan elektronik, perkhidmatan dalam talian, pengiklanan, pemasaran dan promosi, penyediaan kandungan, perbankan elektronik, kerajaan elektronik, kerajaan tanpa kertas, pejabat maya, aplikasi multimedia, sekolah bestari, komunikasi mel elektronik, urus niaga dalam talian, teleperubatan dan pelbagai lagi yang telah dilaksanakan serta yang akan muncul (Web Sutera, 1998a).

Menurut Rao (1997), Internet digunakan untuk membekalkan maklumat dan berkomunikasi melalui mel elektronik, mendapatkan alamat universiti, institusi, maklumat utama dari syarikat, universiti, bekalan dokumen melalui jurnal elektronik, maklumat bibliografi (OPAC), akses kepada hos atas talian seperti DIALOG, STN,

pesanahan bahan dan berbagai dari vendor atas talian, berita dari institusi, penguatkuasa dan perisian.

Internet pada hari ini membolehkan sesiapa sahaja mencari penginapan hotel, tiket kapal terbang, tiket konsert, pra-tonton wayang atau membeli perisian secara dalam talian. Perniagaan secara elektronik yang telah pun wujud ini tidak terhad kepada barang komputer semata-mata malah kini dapat membeli buku, melanggan majalah dan melakukan urusniaga saham secara dalam talian (Hasani, 1998).

Dickstein, Greenfield dan Rosen (1997) menyenaraikan beberapa maklumat yang boleh didapati melalui Internet seperti peristiwa terkini, topik hangat, perniagaan, maklumat kerajaan, maklumat kebudayaan, sukan, perubatan dan direktori mengenai pelancongan. Bates (1997) pula berpendapat yang Internet merupakan sumber yang cemerlang untuk berita terkini dan semakin banyak syarikat surat khabar yang menawarkan perkhidmatan mereka melalui Internet.

Teknologi sampingan yang turut berkembang bagi memudahkan lagi kewujudan dan pengaksesan Internet termasuk rangkaian multimedia, pemprosesan maklumat, persidangan video, komunikasi data, perkakasan komputer, pemproses, pembangunan perisian, kad pintar dan sebagainya (Web Sutera, 1998a).

Secara ringkasnya, Internet mempunyai pelbagai kegunaan yang sekiranya dimanfaatkan dengan baik akan menghasilkan sesuatu yang bersifat effisyen dan membantu dalam kehidupan era globalisasi kini.

1.1.4 Internet dalam pendidikan dan pembelajaran di Malaysia

Dekad 1980an memperlihatkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber atau media pengajaran dan diikuti dengan perkembangan komputer dalam pendidikan. Mata pelajaran literasi komputer telah diajar di sekolah dan diperkenalkan melalui kegiatan kelab komputer sekolah oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1981 (Yusup, 1998). Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah melancarkan beberapa program komputer dalam pendidikan misalnya 'Projek Pengenalan Kepada Komputer' pada tahun 1986 dan ia diikuti pula dengan 'Literasi Komputer' pada tahun 1992 (Buletin Kementerian Pendidikan, 1995).

Apabila Internet mula digunakan di Malaysia pada awal tahun 1990-an, sekumpulan kecil guru telah berinisiatif sendiri untuk mempelajari Internet dan menggunakan dalam kehidupan seharian. Apabila MIMOS melengkapkan nod-nod di bandar-bandar utama, maka ia telah meyakinkan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengumumkan pelancaran Projek Jaringan pada tahun 1995 (Sulaiman, 1996).

Projek Jaringan Pendidikan telah diperkenalkan di 50 buah sekolah menengah yang dipilih di seluruh negara oleh Kementerian Pendidikan. Objektif perlaksanaannya ialah untuk meningkatkan komunikasi dan pertukaran maklumat antara guru-guru dan pelajar-pelajar. Manfaat yang diperolehi oleh pendidik dan pelajar ialah mereka dapat berinteraksi, berdiskusi, berforum dan bertukar-tukar fikiran dengan pelbagai lapisan bangsa dan masyarakat. Dalam projek ini, guru-guru yang bertanggungjawab terhadap projek ini didedahkan dengan konsep-konsep umum dan diminta menghasilkan laman sekolah masing-masing (Sulaiman, 1996).

Telekom Malaysia pula telah memperkenalkan Pusat Sumber Elektronik melalui Rangkaian Munsyi kepada 14 buah sekolah pada tahun 1995. Rangkaian Munsyi

merupakan satu sistem rangkaian yang menghubungkan sekolah-sekolah dengan Bahagian Teknologi Maklumat Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada melalui rangkaian kawasan setempat ataupun rangkaian kawasan luas. Tujuannya ialah untuk membolehkan pelajar-pelajar sekolah menengah celik teknologi maklumat dan dapat berhubung dengan sistem rangkaian dunia (Fook, 1997).

Telekom Malaysia juga telah membangunkan satu lagi projek Internet iaitu TM School Online. TM School Online ialah satu pendekatan pembelajaran melalui Internet untuk sekolah menengah dan sekolah rendah (Rudy, 1997). Manakala di Batu Pahat Johor sebanyak 50 buah sekolah telah menyertai Projek Sekolah-Sekolah Siber. Projek ini memastikan sekolah terbabit tidak ketinggalan dalam perkembangan pesat teknologi maklumat, berhubung antara satu sama lain dengan menggunakan kemudahan Internet sekaligus memudahkan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar (Ahmad Naim, 1997).

Di Malaysia kini, perhatian lebih diberikan kepada kemahiran menggunakan komputer atau aplikasi komputer, dan bukan lagi pembinaan komputer seperti sedekad yang lalu. Seperkara yang menarik ialah walaupun pengaturcaraan masih penting, tetapi ia tidak semestinya perlu diketahui semua orang yang ingin menggunakan komputer. Setelah penggunaan komputer diperluaskan sebagai alat pengajaran dan pendidikan di sekolah, guru yang *computer literate* bukan sahaja harus tahu menggunakan perisian komputer (di peringkat permulaan), tetapi juga membangunkan perisian yang sesuai setelah diberi latihan yang berterusan. (Othman Yeop dan Norsaidatul Akmar, 1999).

Salah satu matlamat yang penting dalam pendidikan di Malaysia ialah pembangunan sumber manusia untuk menyediakan tenaga kerja yang berketerampilan dan intelektual serta berkeupayaan untuk menghadapi cabaran masa depan. Masa depan

ialah zaman celik teknologi maklumat. Teknologi maklumat merangkumi apa jua alat elektronik yang membenarkan pengguna menyimpan, menghubung, memproses, mencipta dan menyampaikan maklumat.

Sejajar dengan perkembangan ini, pelajar disaran mengaplikasikan penggunaan Internet semaksima yang mungkin bagi tujuan pembelajaran supaya melahirkan generasi pelajar yang celik IT dan tidak ketinggalan dalam arus kederasan teknologi maklumat yang melanda dunia masa kini.

1.2 Pernyataan Masalah

Internet serta teknologi yang turut hadir bersamanya, mahu tidak mahu terpaksa kita akui sebagai media yang melengkapkan proses globalisasi mahu pun sejagat. Internet, kederasan pertumbuhannya serta teori perkampungan sejagat yang didukung olehnya membuktikan kemampuan sebagai wacana media yang instrumental dalam konteks kesejagatan (Zackeriya, 1998b).

Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat, pelajar seharusnya melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan mengenai Internet supaya dapat mengaplikasikannya dalam tugasan harian pelajar, khususnya dalam menyempurnakan tugasan pembelajaran mereka. Persepsi mereka tentang Internet juga mencetuskan minat terhadap kepentingan Internet dalam proses pencarian maklumat yang dikehendaki.

Secara umumnya, maklumat adalah sebagai nadi utama bagi proses pembelajaran yang cemerlang. Disebabkan faktor ini, corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar adalah semakin meningkat dari masa ke semasa. Ini kerana tarikan maklumat yang terdapat di dalam Internet adalah bersifat pantas, mudah, menjimatkan masa dan kos.

Selain itu, sumbangan Internet yang positif juga membentuk kemahiran dan pengetahuan yang berkualiti dan terkini bagi merealisasikan proses pembelajaran yang berkesan dan global. Ia juga membimbing pelajar agar mampu menggunakan bahan dengan cekap dan berdikari. Sekiranya kepelbagaiannya medium ini tidak digunakan dengan baik oleh pelajar, maka mereka akan menjadi manusia yang terpinggir di sudut kecanggihan teknologi yang melimpah kehidupan kini.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji persepsi pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya mengenai Internet di dalam proses pembelajaran.
2. Menilai tentang corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
3. Menilai tentang sumbangan yang diperolehi daripada maklumat dan bahan yang terdapat di Internet.
4. Mengkaji masalah pengaksesan dan penggunaan Internet yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah persepsi pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya terhadap Internet di dalam proses pembelajaran?
2. Apakah corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya?
3. Apakah sumbangan yang diperolehi oleh pelajar daripada maklumat dan bahan yang terdapat di Internet?

4. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar, khususnya dari aspek pengaksesan dan penggunaan Internet?

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini merupakan kajian mengenai persepsi, corak penggunaan, sumbangan dan masalah penggunaan Internet dalam proses pembelajaran terhadap pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Ia bertujuan untuk menilai sejauhmana pandangan pelajar-pelajar mengenai Internet di samping impak dan sumbangan yang diperolehi oleh mereka hasil dari sumbangan medium yang semakin berleluasa kini. Kajian terhadap corak penggunaan Internet juga penting sebagai salah satu dari proses pencarian maklumat yang membantu proses pembelajaran di samping sifatnya yang terkini, pantas dan berkesan.

Kajian ini penting untuk memberi maklumat terkini mengenai penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Selain itu, kajian ini juga penting bagi pelajar Akademi Pengajian Islam sendiri untuk mengetahui di manakah kelebihan dan kekurangan mereka dalam penglibatan penggunaan Internet. Organisasi induk juga memerlukan maklumat ini dalam usaha untuk meningkatkan tahap professional dan memperbaiki perkhidmatan di fakulti atau jabatan mereka.

Di samping itu, kajian ini berguna bagi pihak tertentu untuk mengenal pasti sama ada masih terdapat pelajar yang bermasalah dan tidak boleh mengakses Internet bagi tujuan pembelajaran mereka. Persoalan yang lain ialah adakah mereka mendapat latihan atau menghadapi masalah tertentu serta memerlukan bantuan dari segi teknikal atau nasihat.

Dengan cadangan-cadangan yang diberikan oleh pengkaji, diharapkan semua pihak yang terlibat secara langsung mengambil tindakan tertentu bagi memperbaiki dan meningkatkan tahap professional maklumat sebagai penyulur maklumat.

1.6 Batasan Kajian

Oleh kerana Internet adalah teknologi yang semakin menguasai kehidupan, maka kajian mengenainya adalah banyak. Oleh itu pengkaji banyak menggunakan artikel dari jurnal, majalah, suratkhabar dan buku sebagai latar belakang pengkajian. Kajian ini akan terbatas dan memberi tumpuan kepada penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam yang merangkumi pelajar Doktor Falsafah, Sarjana dan Ijazah Dasar, yang melibatkan empat bahagian utama yang terdapat di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya iaitu Bahagian Syariah, Usulluddin, Pendidikan Islam dan Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam. Akademi Pengajian Islam dipilih kerana lokasinya yang memudahkan pengkaji menjalankan penyelidikan. Selain itu, ia bertujuan untuk mengkaji mengenai penggunaan Internet kepada pelajar yang mempunyai asas pendidikan Islam.

Penggunaan Internet dalam proses pembelajaran berbeza di antara jabatan dan institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh dirumuskan kepada jabatan atau institusi pengajian tinggi awam yang lain. Dapatan ini hanya sesuai bagi pengukuran terhadap persepsi, corak penggunaan, sumbangan dan masalah penggunaan Internet kepada pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sahaja.

1.7 Definisi Konsep

1.7.1 Penggunaan

Penggunaan bermaksud perihal iaitu perkara yang melambangkan perbuatan, kegiatan, dan lain-lain. Ia juga boleh diertikan sebagai menggunakan sesuatu. Contohnya ialah; Penggunaan kata itu tidak sesuai dengan ayat ini. Menurut Kamus Dewan lagi, perkataan penggunaan boleh disamakan juga dengan perkataan pemakaian seperti pemakaian barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan, dan lain-lain. (Kamus Dewan, 1998).

1.7.2 Internet

Internet merupakan satu medium yang menggabungkan berbagai maklumat dan berbagai jenis perkhidmatan yang berkaitan dengan pencarian maklumat. Ini bererti Internet merupakan sumber maklumat kepada pengguna tidak kira di mana sahaja mereka berada. Masyarakat telah memberi tumpuan kepada Internet kerana pelbagai maklumat dapat dicari daripadanya (Hasnita, 1999).

Menurut Leigh (1996), Internet merupakan rangkaian secara global yang mengubah pencarian dan penyelidikan dalam semua bidang. Internet diperlukan kerana menyokong kerjasama profesional, persidangan dalam skala global, berkuasa tinggi yang boleh mengakses maklumat secara teks penuh dalam bentuk dalam talian dan mengakses kepada katalog perpustakaan.

Zainuddin Zakaria (2001) dalam bukunya yang bertajuk Memahami Internet telah mentakrifkan Internet sebagai satu rangkaian global yang terdiri daripada gabungan rangkaian-rangkaian komputer yang lebih kecil (global network of computer networks). Rangkaian sejagat ini menghubungkan berjuta-juta komputer di pelbagai negara di

seluruh dunia. Komputer-komputer ini yang terdiri daripada komputer peribadi hingga ke komputer kerangka utama (supercomputer) menggunakan satu set aturan atau piawai pemindahan data yang dikenali sebagai Protokol Kawalan Transmisi dan Protokol Internet (TCP/IP).

Manakala Peter McBride (1995) pula mendefinisikan Internet sebagai rangkaian komputer (computer network) yang terbesar di dunia. Ia merupakan rangkaian komputer yang dijalankan keseluruh benua di dalam dunia yang membolehkan komunikasi dilakukan secara dua hala dan secara bebas.

Merujuk kepada Ahmad Zaharim (1999) beliau mendefinisikan Internet dari aspek penggunaan, iaitu sebagai sebuah rangkaian yang memberikan perkhidmatan komunikasi elektronik, capaian jauh, pemindahan fail, penyebaran dan pencarian maklumat serta beberapa perkhidmatan yang lain. Daripada aplikasi-aplikasi inilah dibina pelbagai perkhidmatan Internet seperti perdagangan elektronik, perbankan elektronik, pengiklanan melalui Internet dan sebagainya.

1.7.3 Persepsi

Menurut Kamus Dewan (2002), persepsi membawa maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan : kekuatan imaginasi, kepekaan dan persepsinya terhadap alam dan kehidupan memberikan gaya dan pengucapan yang khusus pada karya-karyanya.

Kamus Dewan (1989) pula mendefinisikan persepsi sebagai pandangan serta gambaran menerusi pancaindera yang seterusnya ditafsirkan oleh hati dan fikiran terhadap sesuatu.

1.7.5 Sumbangan

Definisi sumbangan pula boleh dertiakan sebagai sesuatu yang diberikan sebagai bantuan atau yang bersifat pemberian sesuatu yang membawa impak positif atau sebaliknya (Kamus Dewan, 2002).

1.7.6 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan aktiviti mendapatkan pengetahuan, latihan membuat sesuatu atau mempelajari untuk mendapatkan sesuatu pengetahuan. Definisi yang lain ialah pembelajaran sebagai proses untuk mempertajamkan intelek pelajar, iaitu meningkatkan kemampuan berfikir, menggalakkan pemikiran secara kritikal dan membimbing pelajar menyusun menggunakan alatan yang sesuai (Zuraini, 1999).

1.7.7 Pelajar

Kamus Dewan (2002) mendefinisikan pelajar sebagai orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya) atau orang yang mengaji (menyelidiki ilmu).

Ringkasnya, dalam masa yang singkat, Internet telah berjaya membawa pelbagai perubahan kepada masyarakat. Banyak perubahan sosial, budaya, ekonomi dan politik yang timbul akibat kewujudan Internet.

Oleh yang demikian, sewajarnya para pelajar khususnya mahasiswa/i universiti tidak melepaskan peluang ini begitu sahaja, memandangkan Internet mampu menawarkan pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan dengan lebih mudah dan cepat terutamanya dalam proses pencarian maklumat.